
Tenaga solar selesaikan isu elektrik Orang Asli pinggir KL

November 2, 2026 @ 1:50pm



Sistem solar luar grid membantu menerangi rumah penduduk Kampung Sungai Relang, namun penyelenggaraan dan penglibatan komuniti penting bagi memastikan kemudahan itu berpanjangan. BERNAMA

KUALA LUMPUR: Di saat matahari mula terbenam, suasana di Kampung Orang Asli Sungai Relang, Hulu Gombak, Selangor, kian gelap. Cahaya malap lampu solar menembusi tingkap rumah penduduk, manakala sesetengah keluarga masih bergantung pada lilin dan generator diesel.

Yati Yusof, 25, meluahkan rasa syukur apabila lampu solar di rumahnya kembali berfungsi selepas dua bulan keluarganya bertemankan cahaya lilin.


"Lampu rosak. Jadi, bila malam kami cuma guna lilin," katanya kepada juruteknik SOLS Foundation yang mengunjungi kampung itu pada September lalu.

Pada Julai lalu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu membekalkan penduduk dengan lampu solar dan pek bateri yang dibiayai Google.

Seperti sekurang-kurangnya 116 kampung Orang Asli lain di Malaysia, Kampung Sungai Relang tidak menikmati bekalan elektrik secara berterusan selama bertahun-tahun, menurut data kerajaan pada 2024.

Walaupun terletak kira-kira 500 meter dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, kampung masyarakat Temuan yang mempunyai hanya 12 rumah dan kira-kira 50 penduduk itu masih berdepan masalah akses elektrik.

Kos pemasangan talian elektrik konvensional dianggap tidak setimpal dengan jumlah penduduk yang kecil, menjadikan sistem tenaga boleh baharu (TBB) luar grid antara pilihan untuk memenuhi keperluan mereka.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2022 melaporkan 99.7 peratus isi rumah di negara ini mempunyai akses kepada bekalan elektrik. Bagaimanapun, angka itu tidak menggambarkan tahap kualiti dan tempoh bekalan yang diterima. Gambar BERNAMA

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2022 melaporkan 99.7 peratus isi rumah di negara ini mempunyai akses kepada bekalan elektrik. Bagaimanapun, angka itu tidak menggambarkan tahap kualiti dan tempoh bekalan yang diterima.

Bank Dunia mengklasifikasikan akses elektrik kepada enam tahap, daripada sifar hingga lima. Tahap lima merujuk kepada bekalan elektrik sekurang-kurangnya 23 jam sehari.

"Tahap sifar bermaksud tiada sambungan elektrik langsung, manakala tahap lima adalah tahap yang kita nikmati di bandar," kata Pengarah Akses Tenaga SOLS Foundation, Nur Syaeista Khanum Mohamed Fuad.

Menurutnya, penduduk Kampung Sungai Relang kini berada pada tahap satu, dengan bekalan elektrik yang boleh digunakan sekurang-kurangnya empat jam sehari.

Sistem solar yang dibekalkan yayasan itu mampu menyalakan lampu selama beberapa jam serta mengecas telefon dan bank kuasa.

"Pastinya rancangan kami adalah untuk membawa kampung ini ke tahap lima, tetapi usaha itu bukan mudah," katanya.

Ketiadaan bekalan elektrik stabil turut menjejaskan kehidupan harian penduduk. Tiada seorang pun di kampung itu memiliki peti sejuk atau peti beku untuk menyimpan makanan.

Otok Singgah, yang berusia lingkungan 70-an, berkata anak lelakinya perlu memandu selama 30 minit ke pasar raya untuk membeli daging segar setiap dua hari.

"Itu kalau ada duit, kalau tak ada duit, makan pucuk ubi saja," katanya.

Usaha menyediakan bekalan elektrik melalui projek tenaga boleh baharu sebelum ini turut berdepan kegagalan.

Antara kemudahan yang terbiar ialah sistem grid mikro hidro solar yang dipasang pada 2012 oleh Tonibung, sebuah NGO dari Sabah yang memberi tumpuan kepada penyediaan tenaga boleh baharu berasaskan komuniti.

Pengasas dan Pengarah Eksekutif Tonibung, Adrian Banie Lasimbang, berkata sistem itu beroperasi sehingga 2014 sebelum banjir memusnahkannya.

"Kos membaiki struktur yang rosak melebihi kemampuan kewangan masyarakat kampung," jelasnya.



Juruteknik SOLS Foundation Ahmad Fakhrul Azmi memasang pek bateri di beberapa rumah di perkampungan Orang Asli Sungai Relang pada tinjauan Bernama baru-baru ini. Gambar BERNAMA

Satu lagi projek solar luar grid yang dipasang pada 2018 oleh Times-Lite Electrical Engineering (TLEE) turut tidak lagi berfungsi selepas kira-kira setahun menurut penduduk.

TLEE memaklumkan bahawa pemasangan dilakukan dari Oktober hingga Disember 2018, diikuti latihan pengendalian dan penyelenggaraan pada Mac 2019 sebelum projek diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor.

"Hal berkaitan pengoperasian, penyelenggaraan dan status sistem selepas April 2019 berada di bawah bidang kuasa pemilik projek," menurut e-mel syarikat itu.

Timbalan Pengarah Seksyen Sektoral UPEN Selangor, Rahayu Ali, berkata pihaknya akan mempertimbangkan pembiayaan projek tenaga selepas keperluan penduduk dinilai.

Penduduk mendakwa sistem solar terdahulu hanya bertahan kira-kira setahun selepas diserahkan kerana mereka tidak tahu cara menyelenggara atau membaikinya.

"Selepas siap pasang, mereka tidak datang lagi. Mereka cakap, pandai-pandai sendirilah (untuk jaga dan senggara)," dakwa Otok.

Adrian berkata kelemahan utama projek tenaga luar grid bukan pada pemasangan, sebaliknya kegagalan menyediakan sokongan selepas projek disiapkan.

"Pada pandangan saya, kebanyakan projek ini dirancang dengan kurang baik atau dilaksanakan sekadar buat syarat. Ada pihak menaja projek, kemudian mereka datang memasang peralatan, dan selepas siap mereka tidak datang lagi," katanya.

Penyelaras Centre for Orang Asli Concerns, Dr Colin Nicholas, pula berkata masyarakat Orang Asli perlu dilibatkan dalam setiap peringkat pelaksanaan projek, termasuk latihan penyelenggaraan.

Adrian mencadangkan jawatankuasa kampung ditubuhkan dan seorang pengendali sistem dilantik dalam kalangan penduduk.

"Latihan sehari tidak mencukupi. Jawatankuasa kampung perlu ditubuhkan dan seorang pengendali daripada komuniti perlu dilantik. Latihan perlu dijalankan sekurang-kurangnya selama empat atau lima hari untuk merangkumi pengurusan sistem hingga penyelenggaraan," katanya.

Nur Syaeista Khanum berkata SOLS Foundation turut memberikan penerangan dan latihan kepada penduduk mengenai penggunaan sistem solar yang dibekalkan.

Menurutnya, yayasan itu mempunyai seorang ahli pasukan daripada masyarakat Orang Asli yang membantu mengenal pasti kerosakan dan berhubung dengan pihak teknikal.

Bagaimanapun, kekangan dana hanya membolehkan kakitangan yayasan mengunjungi kampung itu setiap dua atau tiga bulan untuk memeriksa sistem yang dilindungi warranti selama 24 bulan.

Sistem solar berkenaan dijangka mampu bertahan sehingga lima tahun jika diselenggara dengan baik.

Dalam lawatan susulan itu, juruteknik SOLS Foundation mendapati pek bateri milik Yati yang rosak tidak lagi boleh dibaiki, walaupun panel solarnya masih berfungsi. Mujurlah pek bateri gantian dibawa untuk menggantikannya.

Yati berharap kemudahan elektrik di kampung itu dapat ditambah baik supaya penduduk menikmati bekalan lebih stabil.

"Kalau gelap, nak ke tandas pun takut sebab di sini banyak ular," katanya. - BERNAMA

2026 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd (Co. No. 196101000449 / 4485 H). A part of Media Prima Group
Redaksi | Disclaimer | Notis Perlindungan Data Peribadi